

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Title : UPACARA PELANCARAN KARYANEKA  
Location : JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR  
Date : 01-12-1981

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong;

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong;

Ampun Tuanku.

Patek merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah berkenan berangkat mencemar Duli-Duli Tuanku, ke upacara perasmian Organisasi Pemasaran Kraftangan atau KARYANEKA ini. Kehadiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong di majlis yang tidak sepatunya ini amatlah disanjung tinggi dan adalah menjadi perangsang kepada patek sekalian untuk berusaha dengan gigih dan tekun bagi menjayakan organisasi ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, patek menjunjung kasih kerana limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku merasmikan Pembukaan KARYANEKA yang bersejarah ini.

2. Kehadiran Kebawah Duli-Duli Tuanku di majlis ini melambangkan betapa besarnya minat dan perhatian Kebawah Duli-Duli Tuanku dalam usaha-usaha yang dilaksanakan untuk kepentingan rakyat jelata. Patek, selaku Pengerusi Jawatankuasa Organisasi Kraftangan yakin bahawa keberangkatan Kebawah Duli-Duli Tuanku akan memberi perangsang dan galakan yang lebih lagi untuk menjayakan projek ini.

Ampun Tuanku.

3. Patek mohon izin dan perkenan Kebawah Duli Tuanku Berdua untuk meneruskan ucapan patek kepada para hadirin sekalian, Ampun Tuanku.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;

Yang Berhormat Menteri-menteri;

Yang Amat Bahagia Toh Puan Suhailah, Penaung KARYANEKA;

Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama;

Wakil-wakil dari Bank Dunia;

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Kita bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk Upacara Perasmian Organisasi Pemasaran Kraftangan.

4. Organisasi Pemasaran Kraftangan, ataupun ringkasnya KARYANEKA, telah diluluskan oleh Kerajaan sebagai satu usaha di bawah Projek Kependudukan dan Kesihatan serta Pembangunan Keluarga. Organisasi ini akan menumpukan segenap tenaganya dalam usaha-usaha untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat luarbandar dan di bandar yang berpendapatan rendah meningkatkan penggunaan kemudahan-kemudahan fizikal, kemampuan dan kemahiran yang wujud terutama di bidang kraftangan.

5. Matlamat KARYANEKA yang utama, selain daripada meningkatkan taraf kehidupan rakyat, adalah untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan galakan supaya usaha-usaha dapat dijalankan untuk menggunakan masa lapang secara lebih produktif. KARYANEKA mempunyai keyakinan bahawa di samping memaju dan mengekalkan minat dalam bidang kraftangan, mereka yang terlibat dalam projek ini akan dapat pula menambahkan kemahiran masing-masing, dan menggunakan bahan-bahan tempatan dengan maksima memandangkan pasaran yang sedia terjamin.

6. Organisasi ini akan memberi tumpuan kepada kraftangan yang dihasilkan di rumah yang biasanya dijalankan di waktu lapang seperti tekat-menekat, sulaman, jahit-menjahit, membuat bakul, anyaman dan lain-lain. Ini adalah di luar tugas Perbadanan Kraftangan Malaysia yang memberi keutamaan kepada bahan-bahan utama Malaysia seperti perak, tembaga, anyaman mengkuang dan pandan, tenunan batek dan songket.

Walaupun demikian Perbadanan Kraftangan Malaysia akan menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang boleh memberi manfaat kepada KARYANEKA sendiri dan juga menyediakan bahan-bahan dan pelatih-pelatih tertentu. Dengan itu amatlah pentingnya kedua-dua badan yang di bawah satu Kementerian ini bekerjasama.

7. KARYANEKA akan mengambil langkah-langkah perlu bagi menjamin mutu hasil kraftangan yang tinggi dan mencerminkan identiti Malaysia yang berlatarbelakangkan kebudayaan dan kesenian nasional. Untuk mencapai matlamat ini, organisasi ini akan menyediakan saluran pemasaran, memberi latihan kemahiran, mengadakan pereka bentuk yang sesuai mengikut aliran masa, memberi khidmat-nasihat dan yang terpenting sekali membekalkan bahan-bahan yang bermutu dan pengurusan yang cekap. Adalah dipercayai dengan langkah-langkah ini projek-projek yang dilaksanakan oleh organisasi ini akan mendapat kejayaan yang cemerlang.

8. Di dalam soal sulam-menyulam mesin dan menggunakan benang emas, badan ini telah memulakan projek perintis di sebuah daerah di Kedah yang meliputi enam buah kampung. Dua puluh orang anak-anak muda dari kampung-kampung itu sedang mengikuti kursus khas selama dua bulan. Projek ini akan mula dilaksanakan pada akhir tahun ini.

9. Selain dari itu, projek membuat bunga dengan kerjasama kelab-kelab wanita, FELDA, RISDA dan lain-lain juga dijalankan. Beberapa pertubuhan wanita seperti BAKAT telah memulakan projek khas membuat bahan sulaman tangan, mesin serta lain-lain. Dalam usaha ini KARYANEKA telah mendapat kerjasama dari Kementerian Kebajikan Am untuk melibatkan orang-orang cacat.

10. Sehingga pertengahan tahun ini lebih dari dua ratus orang bakal-bakal pengeluar kraftangan dari seluruh Malaysia telah dilatih di dalam berbagai jenis kemahiran seperti sulaman, anyaman tangan, kaitan, lukisan batek secara tulis, ukiran tembaga, menjahit dan sebagainya. Di samping itu KARYANEKA telah juga menghantar empat orang jurulatih ke negeri Thai untuk menjalani kursus tenunan, manakala dua orang pula jurulatih dihantar ke negeri Jepun untuk mengikuti kursus khas mengenai "puppetry". Kemahiran di dalam dua bidang kraftangan ini amatlah mustahak memandangkan pasaran yang luas di bidang antarabangsa.

Malaysia haruslah mengambil peluang ini demi faedah pembangunan dan peningkatan pendapatan isi keluarga.

11. KARYANEKA telah juga dapat memberi keutamaan kepada satu jenis kerjatangan tradisi yang hampir luput iaitu tekat-menekat menggunakan benang emas. Badan ini telah meneliti tiga buah daerah di Selangor dan Perak dan telah berjaya mengesan lebih kurang lima puluh orang penekat.

Apabila taraf pengeluaran mereka sampai ke tahap yang memuaskan, organisasi ini bercadang untuk mendaftarkan mereka sebagai pengeluar. Sekiranya projek perintis ini berjaya tekat-menekat ini boleh dimajukan ke seluruh negara.

12. Di samping langkah-langkah tertentu yang akan dilaksanakan, KARYANEKA juga telah mendapat jaminan dari negara-negara yang pernah dilawati seperti India, Bangladesh, Indonesia, Thailand dan Jepun yang sanggup memberi bantuan dan menghantar pakar-pakar mereka untuk memberi latihan khususnya di bidang-bidang yang ada kaitan dengan projek ini. Kerjasama serantau untuk meningkatkan nilai kraftangan bagi rantau ini ternyata dengan sendirinya akan meningkatkan ekonomi bukan sahaja di peringkat keluarga malah di peringkat negara dan antarabangsa. Mulai tahun hadapan KARYANEKA akan menganjurkan pertandingan kraftangan dan mengadakan Hari Kraftangan Kebangsaan untuk menggalakkan lagi pertumbuhan bakat-bakat serta penyertaan rakyat dalam usaha-usaha ini.

13. Walau bagaimanapun segala usaha ini hanya akan berjaya sekiranya satu sistem pemasaran dan pengawasan mutu atau kualiti kontrol dapat diwujudkan di samping usaha-usaha menentukan ada pembelinya. Dalam hubungan ini KEMAS sebagai ejensi pelaksanaan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sudah pun mempunyai "network" yang telah sampai di peringkat

kampung seluruh negara. Ini boleh diperkukuhkan lagi sesuai dengan fungsinya kini dengan fungsi KARYANEKA.

14. Dalam usaha untuk mendapatkan kejayaan yang lebeh lagi, organisasi kraftangan ini memerlukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak, terutama kerjasama dan sokongan dari Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan negeri, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan orang-orang perseorangan.

Kerjasama dan sokongan yang telah wujud hingga hari ini amatlah menggalakkan dan adalah diharapkan kerjasama ini dapat diperkuatkan lagi pada masa akan datang. Setakat ini, dalam projek perintis yang telah dimulakan di sebuah daerah, KARYANEKA telah mendapat sokongan dan kerjasama yang penuh dari Kerajaan negeri, Pejabat Daerah serta orang-orang perseorangan. Sokongan yang sama sangat diharapkan pada masa-masa akan datang apabila projek ini dilancarkan ke seluruh negara.

15. Kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah mengambil dayausaha dan melaksanakan KARYANEKA melalui KEMAS, saya mengucapkan terima kasih dan menaruh sepenuh keyakinan bahawa Kementerian ini mempunyai keupayaan yang besar bagi melaksanakannya.

16. Adalah diharapkan supaya projek ini akan disertai oleh segenap golongan dan lapisan masyarakat. Tanpa penyertaan masyarakat maka adalah sukar bagi rancangan-rancangan yang telah disusun mencapai kejayaan. Pada orang-orang perseorangan yang mempunyai kebolehan serta minat, penyertaan mereka adalah dialu-alukan walaupun hanya setakat memberi khidmat nasihat.

17. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta yang telah memberi kerjasama, pertolongan dan panduan kepada organisasi ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bandaraya yang telah memberi tapak tanah dan menguruskan pembinaan Bangunan KARYANEKA ini serta memberi sumbangan profesional dan tenaga kakitangannya kepada organisasi ini. Penghargaan seterusnya disampaikan kepada kumpulan-kumpulan wanita serta wanita-wanita perseorangan dari bandar dan luar bandar, yang telah menyediakan berbagai aneka barang untuk dipamer dan dijual. KARYANEKA juga bernasib baik kerana dapat mempamerkan hiasan dan kerjatangan dari semua negeri di Malaysia. Akhirnya saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa KARYANEKA, Jawatankuasa Perasmian, anggota-anggota dan pelatih-pelatih, baik di Pusat Latihan Wanita mahupun di Bengkel KARYANEKA, yang telah bekerja keras siang dan malam untuk menyediakan Majlis pagi ini. Segala sumbangan dan kerjasama ini sangatlah dihargai.

Terima kasih.